



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 718

AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

Sebagaimana pada 1 Disember 2016

AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

Tarikh Perkenan Diraja 29 Disember 2010

Tarikh penyiaran dalam 30 Disember 2010
Warta

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 718****AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II**AGENSI INOVASI MALAYSIA**

4. Agensi Inovasi Malaysia
5. Fungsi Agensi
6. Kuasa Agensi
7. Majlis Tadbir Urus
8. Anggota silih ganti
9. Elaun
10. Pengosongan jawatan
11. Mesyuarat
12. Tatacara mesyuarat
13. Minit
14. Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat
15. Ketetapan tanpa mesyuarat

Seksyen

16. Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa
17. Pengosongan jawatan anggota jawatankuasa
18. Penzahiran kepentingan

BAHAGIAN III

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKERJA AGENSI

19. Ketua Pegawai Eksekutif
20. Pengambilan khidmat pegawai dan pekerja
21. Kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekerja

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

22. Kumpulan Wang Operasi
23. Kumpulan Wang Inovasi
24. Pemeliharaan Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi
25. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
26. Tahun kewangan
27. Akaun dan laporan

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN HARTA INTELEK

28. Khazanah pusat harta intelek negara
29. Pemerolehan harta intelek
30. Hak untuk mempromosikan, membangunkan dan mengkomersialkan harta intelek

BAHAGIAN VI
KUASA AGENSI YANG LAIN

Seksyen

31. Kuasa untuk melantik Duta Inovasi
32. Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.
33. Kuasa untuk menubuhkan syarikat, dsb.
34. Kuasa untuk melabur
35. Kuasa untuk meminjam
36. Kuasa untuk mewakili fungsi dan kuasa
37. Kuasa untuk mengendors produk atau perkhidmatan inovatif

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

38. Obligasi kerahsiaan
39. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
40. Pekhidmat awam
41. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
42. Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan
43. Kesalahan bagi pengubahsuaian maklumat atau dokumen tanpa kebenaran
44. Kesahan perbuatan dan prosiding
45. Perbuatan yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat
46. Peletakhakan hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti apabila tamatnya tempoh Akta

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 718

AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

Suatu Akta untuk memperbadankan Agensi Inovasi Malaysia, untuk merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[15 April 2011, P.U. (B) 175/2011]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi tempoh sehingga 31 Disember 2020.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Perdana Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melanjutkan tempoh pemakaian Akta.

(3) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi” ertinya Agensi Inovasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“Duta Inovasi” ertinya Duta Inovasi yang dilantik di bawah seksyen 31;

“harta intelek” termasuklah hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk susun atur litar bersepadu, petunjuk geografi dan reka bentuk industri sama ada didaftarkan atau tidak dan dinyatakan dengan jelas atau disimpan dalam apa-apa bentuk sekalipun;

“inovasi” ertinya apa-apa idea atau pengetahuan dalam apa-apa bentuk yang menyebabkan perubahan dalam bentuk produk, perkhidmatan atau proses yang menghasilkan impak positif kepada ekonomi, perniagaan, sistem penyampaian perkhidmatan awam, kesejahteraan sosial atau alam sekitar;

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Tadbir Urus di bawah seksyen 16;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 19;

“khazanah pusat harta intelek negara” ertinya khazanah yang ditubuhkan di bawah seksyen 28;

“Majlis” ertinya Majlis Tadbir Urus yang ditubuhkan di bawah seksyen 7.

BAHAGIAN II

AGENSI INOVASI MALAYSIA

Agensi Inovasi Malaysia

4. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Agensi Inovasi Malaysia” ditubuhkan.

(2) Agensi adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Agensi boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Agensi boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, memajukan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Agensi.

Fungsi Agensi

5. Fungsi Agensi adalah seperti yang berikut:

- (a) merumuskan dasar, strategi dan haluan negara yang berhubungan dengan inovasi;

- (b) menguruskan, bekerjasama dalam dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti dengan sektor awam dan swasta untuk merangsang inovasi di Malaysia;
- (c) membuat pertanyaan, tinjauan dan penganalisan data, penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan inovasi dan ekosistem inovasi negara;
- (d) menggalakkan dan memudahkan aktiviti dan inisiatif pelaburan oleh sektor awam dan swasta berhubung dengan inovasi;
- (e) menggalakkan lagi budaya inovasi dalam sektor awam, swasta dan pendidikan di Malaysia;
- (f) menasihati Kerajaan dalam perkara yang berhubungan dengan inovasi;
- (g) membuat syor yang berhubungan dengan komponen inovasi dalam projek negara strategik yang sedia ada atau yang bakal dibuat;
- (h) menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Agensi

6. (1) Agensi hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau secara munasabah perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Agensi termasuklah kuasa—

- (a) untuk menjalankan semua aktiviti, terutamanya aktiviti yang bersifat komersial, yang didapatinya perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;

- (b) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, untuk meminta maklumat mengenai perkara yang berhubungan dengan inovasi bagi mencapai pelaksanaan fungsinya; dan
- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), untuk mengenakan fi atau caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan dalam menjalankan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya.

(3) Apa-apa fi atau caj yang dikenakan hendaklah ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 41.

Majlis Tadbir Urus

7. (1) Agensi hendaklah ditadbirkan oleh suatu majlis yang dikenali sebagai “Majlis Tadbir Urus”.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Perdana Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi;
- (c) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri, koperasi dan kepenggunaan;
- (d) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengajian tinggi;
- (e) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (f) Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi;
- (g) Ketua Pegawai Eksekutif; dan

- (h) sepuluh anggota lain yang, pada pendapat Perdana Menteri, memiliki kelayakan, pengetahuan khas atau pengalaman yang berkaitan dalam hal perkara inovasi, sains, teknologi, perniagaan, ekonomi atau dasar kerajaan.

(3) Seorang anggota yang disebut dalam perenggan (2)(h) hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri dan hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya, mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(4) Seorang anggota yang disebut dalam perenggan (2)(h) layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan melebihi tiga tempoh yang berturut-turut.

Anggota silih ganti

8. (1) Perdana Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 7(2)(b) hingga (f), melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Majlis apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis, seseorang anggota silih ganti hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai anggota Majlis.

(3) Seorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Majlis.

Elaun

9. (1) Anggota Majlis tidak boleh dibayar apa-apa saraan bulanan tetap.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), anggota Majlis hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Perdana Menteri berhubung dengan kehadiran ke mesyuarat Majlis dan menguruskan perkara yang berkaitan dengan Majlis.

Pengosongan jawatan

10. (1) Jawatan seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(2)(h) hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

(2) Jika seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(2)(h) terhenti menjadi anggota Majlis, Perdana Menteri boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik.

Mesyuarat

11. (1) Majlis hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis bertulis oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi boleh membenarkan penggunaan video secara langsung, sambungan televisyen atau kemudahan komunikasi atau multimedia sesuai yang lain bagi maksud mana-mana mesyuarat Majlis.

Tatacara mesyuarat

12. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Majlis, dia boleh melantik mana-mana anggota Majlis untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat.

(3) Kuorum Majlis ialah lima orang.

(4) Tiap-tiap anggota kecuali Ketua Pegawai Eksekutif berhak mendapat satu undi.

(5) Jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau anggota yang menggantikan Pengerusi yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Majlis boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Minit

13. (1) Majlis hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis yang berkenaan dengan prosidingnya minit telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat

14. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati Majlis tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang yang hadir sedemikian tidak mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

Ketetapan tanpa mesyuarat

15. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh, jika perlu, meluluskan sesuatu ketetapan tanpa bermesyuarat.

(2) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi:

- (a) semua anggota Majlis telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memaklumkan semua anggota Majlis mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan

- (b) semua anggota Majlis menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Majlis.

Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa

16. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Majlis dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Majlis hendaklah melantik pengerusi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.

(4) Jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu pada bila-bila masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(6) Jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(7) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihati jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(8) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (7) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

(9) Semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa hendaklah dibentangkan semasa mesyuarat Majlis.

(10) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang

sepatutnya, dan salinan minit itu hendaklah dikemukakan oleh jawatankuasa kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan.

Pengosongan jawatan anggota jawatankuasa

17. (1) Jawatan seseorang anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 16 hendaklah dikosongkan jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Majlis;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Majlis; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Majlis.

(2) Jika seseorang anggota jawatankuasa terhenti menjadi anggota, Majlis boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu

bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik.

Penzahiran kepentingan

18. (1) Mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung apa-apa kepentingan berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Majlis atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas penzahiran di bawah subseksyen (1), anggota itu—

- (a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Majlis atau jawatankuasa itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Majlis atau jawatankuasa,

berhubung dengan perkara itu.

(4) Anggota Majlis atau jawatankuasa yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(5) Tiada tindakan atau prosiding Majlis atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

BAHAGIAN III

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKERJA AGENSI

Ketua Pegawai Eksekutif

19. (1) Perdana Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan olehnya.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi penjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi, aktiviti dan hal ehwal harian Agensi.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekerja Agensi.

(4) Agensi hendaklah meletakkan apa-apa kuasa pada dan mengenakan apa-apa kewajipan ke atas Ketua Pegawai Eksekutif sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif tidak boleh membuat keputusan mengenai perkara yang berhubungan dengan dasar dan haluan strategik Agensi tanpa kelulusan Majlis.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dengan semunasabahnya berhati-hati, mahir, berusaha dan menggunakan pertimbangan wajar dalam menjalankan kewajipannya di bawah Akta ini.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif disifatkan telah menggunakan pertimbangan wajar sebagaimana yang disebut dalam subsekyen (6) jika dia—

- (a) membuat pertimbangan itu dengan suci hati bagi maksud yang wajar;
- (b) tidak mempunyai kepentingan peribadi yang material dalam hal perkara pertimbangan itu;
- (c) telah dimaklumkan tentang hal perkara pertimbangan itu pada takat yang dipercayainya secara munasabah adalah patut mengikut hal keadaan itu; dan

- (d) semunasabahnya mempercayai bahawa pertimbangan itu adalah untuk kepentingan terbaik Kerajaan dan Agensi.

Pengambilan khidmat pegawai dan pekerja

20. (1) Agensi boleh mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekerja sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu oleh Agensi atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang ditentukan oleh Agensi bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Pegawai dan pekerja Agensi hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan suci hati dan mematuhi apa-apa kehendak, standard, kewajipan dan tatalaku yang ditentukan oleh Agensi.

(3) Tiada seorang pun layak untuk diambil berkhidmat sebagai pegawai atau pekerja Agensi jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Agensi.

(4) Agensi boleh menerima pakai apa-apa peraturan, kaedah, dasar, pekeliling atau arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut.

Kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekerja

21. (1) Agensi hendaklah mempunyai kuasa tata tertib ke atas semua pegawai dan pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan tata tertib ke atas orang sedemikian.

(2) Agensi boleh membuat apa-apa peraturan untuk membuat peruntukan mengenai kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekerjanya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk—

- (a) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tatatertib yang sewajarnya dan tatacara yang perlu dipatuhi;
- (b) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa rayuan tatatertib untuk mendengar rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib dan tatacara yang perlu dipatuhi; dan
- (c) peruntukan bagi—
 - (i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
 - (ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pekerja Agensi sementara menunggu prosiding tatatertib selesai.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Agensi, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi buang kerja atau penurunan pangkat.

(5) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara untuk prosiding tatatertib, memberi peluang kepada pegawai atau pekerja Agensi yang prosiding tatatertib diambil terhadapnya untuk membuat representasi sebelum suatu keputusan dibuat oleh jawatankuasa tatatertib mengenai pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Kumpulan Wang Operasi

22. (1) Bagi maksud Akta ini, Agensi hendaklah menubuhkan dan menyenggara suatu Kumpulan Wang Operasi.

(2) Kumpulan Wang Operasi hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) wang yang diterima oleh Agensi dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini oleh Parlimen;
- (c) wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek atau aktiviti yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) jumlah wang yang dipinjam oleh Agensi bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (e) semua jumlah wang atau harta lain yang boleh mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Agensi berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampungan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.

(3) Kumpulan Wang Operasi hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) pembayaran apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan operasi yang dilakukan atau disetujui terima dengan sah oleh Agensi dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa pembelian yang dibuat oleh Agensi;
- (c) pembayaran saraan, elaun, faedah, pembayaran balik dan perbelanjaan pegawai dan pekerja Agensi dan anggota Majlis atau jawatankuasa;
- (d) pembayaran balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar baginya;
- (e) pembayaran sumbangan dan derma bagi maksud tanggungjawab sosial korporat.

(4) Walau apa pun perenggan (2)(c), wang yang disebut dalam perenggan itu yang melebihi keperluan kewangan Agensi dalam pelaksanaan fungsinya boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kumpulan Wang Inovasi

23. (1) Bagi maksud Akta ini, Agensi hendaklah menubuhkan dan menyenggara suatu Kumpulan Wang Inovasi.

(2) Kumpulan Wang Inovasi hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta yang diterima oleh Agensi daripada Kerajaan, mana-mana organisasi, pertubuhan perbadanan atau institusi semata-mata bagi maksud aktiviti dan inisiatif penyelidikan yang berhubungan dengan inovasi, dan hendaklah dibayar bagi maksud yang serupa, termasuklah pembiayaan inovasi terpilih yang ditentukan oleh Agensi.

Pemeliharaan Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi

24. Menjadi kewajipan Agensi untuk memelihara Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi, kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Agensi mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

25. (1) Perbelanjaan Agensi setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Perdana Menteri bagi satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi.

(2) Sebelum akhir September setiap tahun, Agensi hendaklah mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran perbelanjaan, termasuklah—

- (a) belanjawan dan perbelanjaan yang dirancang untuk Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi;
- (b) aktiviti dan projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan; dan
- (c) petunjuk prestasi utama bagi aktiviti dan projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan,

yang dengan merujuk kepadanya kemajuan, prestasi atau kedudukan Agensi dapat diukur secara berkesan.

(3) Perdana Menteri hendaklah, sebelum awal tahun yang berikutnya, memberitahu Agensi mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau mengenai amaun yang dibenarkan bagi setiap perihal perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Agensi boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Perdana Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran tambahan itu.

(5) Perdana Menteri boleh mengarahkan Agensi supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Tahun kewangan

26. Tahun kewangan Agensi hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan

27. (1) Agensi hendaklah menyebabkan supaya disimpan akaun yang sewajarnya bagi Kumpulan Wang Operasi dan Kumpulan Wang Inovasi dan laporan aktiviti dan hendaklah, seberapa cepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Agensi yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu penyata aktiviti.

(2) Agensi hendaklah seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun dan penyata aktiviti yang disebut dalam subseksyen (1) yang diperakukan oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan laporan Ketua Audit Negara kepada Perdana Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata akaun, penyata aktiviti dan laporan Ketua Audit Negara itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Agensi.

BAHAGIAN V**PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN HARTA INTELEK****Khazanah pusat harta intelek negara**

28. (1) Agensi hendaklah menubuhkan suatu khazanah pusat harta intelek negara.

(2) Semua harta intelek yang dihasilkan daripada apa-apa dapatan penyelidikan atau projek, sama ada dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan, hendaklah didaftarkan dalam khazanah pusat harta intelek negara.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, subseksyen (2) hendaklah termasuk harta intelek yang sedia ada sama ada berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau tidak.

Pemerolehan harta intelek

29. (1) Harta intelek dalam mana-mana dapatan penyelidikan atau projek yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan dan mana-mana badan atau organisasi swasta boleh diperoleh oleh Agensi tertakluk kepada terma apa-apa perjanjian antara Agensi dengan badan atau organisasi swasta itu.

(2) Agensi boleh memperoleh apa-apa harta intelek dalam mana-mana dapatan penyelidikan atau projek milik persendirian dengan membuat perjanjian dengan pemilik itu dan harta intelek yang diperoleh di bawah subseksyen ini hendaklah didaftarkan dalam khazanah pusat harta intelek negara.

Hak untuk mempromosikan, membangunkan dan mengkomersialkan harta intelek

30. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Agensi hendaklah mempunyai hak untuk mempromosikan, membangunkan dan mengkomersialkan mana-mana harta intelek yang didaftarkan dalam khazanah pusat harta intelek negara.

(2) Agensi hendaklah, sebelum mempromosikan, membangunkan atau mengkomersialkan harta intelek di bawah seksyen 29, mendapatkan persetujuan pemilik harta intelek itu.

BAHAGIAN VI

KUASA AGENSI YANG LAIN

Kuasa untuk melantik Duta Inovasi

31. (1) Agensi boleh, dengan merundingi mana-mana Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan

Persekutuan, melantik apa-apa bilangan Duta Inovasi untuk menasihati Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan itu mengenai perkara yang berhubungan dengan inovasi yang difikirkan perlu oleh Agensi.

(2) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) sebagai Duta Inovasi hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun oleh Agensi sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi.

(3) Duta Inovasi hendaklah berada di bawah kawalan am, dan hendaklah membuat laporan kepada, Agensi.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), Duta Inovasi hendaklah ditempatkan di Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan itu.

(5) Terma dan syarat penempatan dan perkara yang hendak dinasihati oleh Duta Inovasi hendaklah dipersetujui oleh Agensi dan Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan yang berkenaan.

(6) Duta Inovasi hendaklah membentangkan suatu laporan kepada Majlis berkenaan dengan penempatannya di Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan.

(7) Jika seseorang Duta Inovasi dilantik di bawah subseksyen (1), Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan hendaklah bekerjasama dengan Duta Inovasi itu.

Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.

32. Agensi boleh mengambil khidmat ejen, pakar, perunding atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melakukan apa-apa tindakan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam pelaksanaan fungsinya, perjalanan kuasanya atau penunaian kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat, dsb.

33. (1) Agensi boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dirancang atau diusahakan oleh Agensi pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

(2) Agensi boleh, dalam menunaikan fungsinya dan dengan kelulusan Perdana Menteri—

- (a) menyertai apa-apa perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan lain untuk perkongsian keuntungan atau menjalankan aktiviti bersama, atau selainnya, dengan mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau kerajaan yang menjalankan atau terlibat dalam aktiviti itu; atau
- (b) mengambil atau selainnya memperoleh syer dan sekuriti dalam mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan atau badan lain yang menjalankan urusan berkaitan dengan pengkomersialan inovasi dan boleh menjual, memegang atau menerbitkan semula syer atau sekuriti itu atau selainnya melupuskan atau berurusan dengannya.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Agensi hendaklah melepaskan kepentingannya dalam syarikat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dalam tempoh tujuh tahun selepas penubuhannya.

Kuasa untuk melabur

34. Wang daripada Kumpulan Wang Inovasi setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Agensi di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Agensi tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk meminjam

35. Agensi boleh, dengan kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Agensi bagi memenuhi apa-apa obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya.

Kuasa untuk mewakilkan fungsi dan kuasa

36. (1) Agensi boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya selain kuasanya untuk mengambil khidmat ejen, meminjam dan menubuhkan syarikat, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) anggota Majlis;
- (c) jawatankuasa; atau
- (d) Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Pengerusi, anggota Majlis, jawatankuasa atau Ketua Pegawai Eksekutif, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Agensi dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Agensi.

(3) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Agensi.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Agensi daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Kuasa untuk mengendors produk atau perkhidmatan inovatif

37. (1) Agensi boleh mengendors, melalui pemerakuan, apa-apa produk atau perkhidmatan yang mematuhi kriteria yang ditentukan oleh Agensi sebagai produk atau perkhidmatan inovatif.

(2) Pengendorsan di bawah seksyen ini hendaklah selama tempoh maksimum dua tahun.

(3) Agensi hendaklah menyebabkan supaya suatu senarai semua produk atau perkhidmatan inovatif yang diendors di bawah subseksyen (1) disiarkan dalam laman sesawang rasminya.

(4) Agensi boleh, pada bila-bila masa sebelum habisnya tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), membatalkan pengendorsan di bawah seksyen ini jika produk atau perkhidmatan inovatif itu tidak lagi memenuhi kriteria bagi pengendorsan yang ditentukan oleh Agensi di bawah subseksyen (1).

(5) Pemilik produk atau perkhidmatan itu tidak mempunyai hak untuk membuat representasi berkenaan dengan pembatalan sedemikian.

(6) Tiada pengendorsan di bawah seksyen ini boleh, dengan sendirinya, memberikan hak kepada pemilik produk atau perkhidmatan itu kepada—

(a) apa-apa jangkaan terhadap apa-apa manfaat perniagaan; atau

(b) apa-apa layanan istimewa di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Agensi tidak bertanggung sama sekali atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab pembatalan pengendorsan di bawah seksyen ini, dan tiada kausa tindakan boleh dibangkitkan terhadap Agensi atau Kerajaan berkenaan dengan pembatalan itu.

(8) Semua Kementerian, institusi atau agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan hendaklah mempertimbangkan produk atau perkhidmatan inovatif itu semasa membuat aktiviti perolehan mereka.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Obligasi kerahsiaan

38. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Majlis atau jawatankuasa, pegawai atau pekerja Agensi, atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis atau jawatankuasa boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah didapatinya semasa melaksanakan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

39. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Agensi atau terhadap mana-mana anggota Majlis, mana-mana anggota jawatankuasa atau mana-mana pegawai, pekerja, Duta Inovasi atau ejen Agensi, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

40. Tiap-tiap anggota Majlis atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekerja, Duta Inovasi atau ejen Agensi, semasa menunaikan kewajibannya di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, pekerja, Duta Inovasi atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

41. Perdana Menteri boleh, atas syor Agensi, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu bagi penjalanan yang lebih baik peruntukan Akta ini.

Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan

42. Seseorang yang memberikan, atau menyebabkan mana-mana orang memberikan, maklumat kepada Agensi yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan bagi pengubahsuaian maklumat atau dokumen tanpa kebenaran

43. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia melakukan apa-apa perbuatan, atau menyebabkan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan, yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kebenaran apa-apa maklumat, statistik atau data lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya, dalam milik, jagaan atau kawalan Agensi.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) adalah tidak material bahawa perbuatan yang berkenaan tidak ditujukan kepada—
- (i) apa-apa maklumat, statistik atau data yang tertentu;
 - (ii) apa-apa jenis maklumat, statistik atau data; atau
 - (iii) apa-apa maklumat, statistik atau data yang disimpan di mana-mana lokasi tertentu;

- (b) adalah tidak material sama ada sesuatu pengubahsuaian tanpa kebenaran menjadi, atau diniatkan menjadi, kekal atau hanya sementara;
- (c) sesuatu pengubahsuaian apa-apa maklumat, statistik atau data berlaku jika—
 - (i) maklumat, statistik atau data itu diubah atau dipadamkan;
 - (ii) apa-apa maklumat, statistik atau data baru dimasukkan atau ditambahkan kepada maklumat, statistik atau data itu; atau
 - (iii) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Agensi untuk mendapatkan akses kepada maklumat, statistik atau data itu,

dan termasuk apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya pengubahsuaian itu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesahan perbuatan dan prosiding

44. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Majlis atau jawatankuasa; atau
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Perbuatan yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat

45. Semua perbuatan yang dilakukan bagi pihak Agensi sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan Akta ini diperbuat dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan semua hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung akibat pelakuan perbuatan itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai hak dan obligasi Agensi.

Peletakhakan hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti apabila tamatnya tempoh Akta

46. Apabila tamatnya tempoh Akta ini, semua hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berpunca daripada, diperoleh, dilakukan atau terletak hak di bawah Akta ini oleh atau pada Agensi hendaklah terletak hak pada Kementerian Kewangan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 718

AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 718

AKTA AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-
